

BERITA HARIAN

DATE: 07/08/2007

## Abdullah sertai konvoi kemerdekaan

**M**ELAKA: Nostalgia kepulangan bersejarah Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj dari London untuk mengumumkan tarikh kemerdekaan negara akan diimbau kembali menerusi perarakan konvoi kemerdekaan ke-50, diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 17 Ogos ini.

Konvoi yang akan menaiki kereta klasik itu juga akan disertai Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam; dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Seperti laluan Tunku Abdul Rahman ketika membawa perkhabaran gembira itu pada 20 Februari 1956, konvoi akan bermula di Lapangan Terbang Batu Berendam ke Dataran Pahlawan.

Acara penuh warna-warni itu diatur khusus sempena pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang Perayaan Kemerdekaan ke-50 di Dataran Pahlawan oleh Perdana Menteri pada hari berkenaan.

Pelancaran akan turut dihadiri Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Mohd Khalil Yaakob dan isteri Toh Puan Zurina Kassim.

Sebaik konvoi tiba, nyanyian lagu Negaraku bergema diikuti ucapan Rais selaku Pengerusi Jawatankuasa Perayaan Kemerdekaan ke-50, ucapan Mohd Ali dan Abdullah.

Selepas itu, diadakan upacara menandatangani Dokumen Pengisytiharan Merdeka, penyampaian anugerah kepada 50 pejuang veteran dan pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang oleh Perdana Menteri.

Acara diteruskan dengan upacara menaikkan Jalur Gemilang, disusuli penyerahan bendera kepada wakil kerajaan negeri, persembahan nyanyian dan diakhiri lagu *Negaraku*.

Pada 20 Februari 1956, Tunku Abdul Rahman pulang dari London membawa perkhabaran gembira Tanah Melayu akan merdeka. Batu Berendam adalah lokasi pesawat yang membawa Tunku mendarat dan dari situ beliau berarak ke Banda Hilir ke Padang Pahlawan.

Di situ Tunku Abdul Rahman mengumumkan 31 Ogos 1957 sebagai tarikh keramat kemerdekaan negara.